

30 NOV 1996

Mahathir - Myanmar

BUKAN HAK NEGARA LAIN TENTUKAN LANGKAH ASEAN, KATA DR MAHATHIR

JAKARTA, 30 Nov (Bernama) -- Negara-negara lain tidak berhak menentukan pendirian yang harus diambil oleh Asean dalam soal keanggotaannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Soal negara lain tidak puas hati ataupun berpendapat Asean tidak terus menerima mana-mana pihak, itu bukan hak negara-negara lain.

"Kami sudah bebas daripada menjadi koloni kepada negara asing, kami membuat keputusan secara persendirian sebagai bangsa yang merdeka," katanya pada persidangan media selepas Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di sini.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika ditanya mengenai keputusan para pemimpin Asean berhubung kemasukan Myanmar walaupun menghadapi tekanan daripada negara Eropah dan Amerika Syarikat.

Para pemimpin Asean bersetuju untuk menerima kemasukan Myanmar secara bersama dengan Kemboja dan Laos tetapi tarikh penyertaan itu akan diumumkan kemudian.

Ketika ditanya bagaimana Asean hendak meyakinkan negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat supaya jangan mencampuri hal ehwal dalaman Myanmar, Dr Mahathir berkata bukan urusan Asean untuk meyakinkan negara Eropah atau Amerika.

"Kami sedang berusaha untuk memberi keyakinan kepada diri kami dan jika dapat berbuat demikian, itu sudah mencukupi," katanya.

Ketika ditanya adakah mungkin bagi Kemboja, Laos dan Myanmar menyertai Asean tahun depan, Dr Mahathir berkata yang penting ialah ketiga-tiga negara akan menyertai secara bersama.

"Tarikh sebenar kemasukan belum ditetapkan," kata beliau. Asean akan menyambut ulang tahunnya yang ke-30 tahun depan di Malaysia.

Mengenai mengapa ketiga-tiga negara itu harus menyertai secara bersama sedangkan keadaan di setiap negara berkenaan berbeza, Dr Mahathir sepanjang pengetahuan Asean, tidak ada perbezaan.

"Semua kriteria telah dipenuhi oleh ketiga-tiga negara atau akan dipenuhi oleh mereka, oleh itu, tiada sebab mengapa ketiga-tiga negara itu tidak boleh diterima secara bersama," kata beliau.

Mengenai sama ada keputusan tentang ketiga-tiga negara menyertai Asean secara bersama boleh ditafsirkan sebagai melambat atau mempercepatkan kemasukan Myanmar ke dalam Asean, Dr Mahathir berkata ia membabitkan soal pendapat.

"Ia boleh ditanggap sebagai melambatkan kemasukan Laos dan kemboja atau boleh ditafsirkan sebagai mempercepatkan kemasukan Myanmar ke dalam Asean.. tetapi yang penting ialah ketiga-tiga negara akan diterima masuk secara bersama," katanya.

Laos dan Kemboja dijangka menyertai Asean tahun depan dan Myanmar telah membayangkan bahawa ia berhasrat berbuat demikian pada masa yang sama.

Mengenai dasar Asean yang mengamalkan pendekatan yang membina terhadap Myanmar, Dr Mahathir berkata ia telah membawa perubahan di Myanmar dan harus diteruskan.

"Negara itu sekarang lebih terbuka. Ia sedia mengadakan pelaburan asing secara terus, ia membuat hubungan dengan Asean sedangkan sebelumnya Yangon memencilkan diri," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri semalam menemui Pengerusi Majlis Pemuliharaan Undang-undang dan Ketenteraman Negara Myanmar (SLORC) Jen Than Shwe.

Than Shwe dan pemimpin Kemboja dan Laos diundang ke sidang kemuncak tidak rasmi itu. Malaysia akan menganjurkan sidang kemuncak tidak rasmi itu

tahun depan.

Mngenai sidang kemuncaK yang baru berakhir itu, Dr Mahathir berkata ia telah berhasil.

Dr Mahathir berkata mesyuarat itu membincangkan isu lain yang bersifat membina dan memberi manfaat kepada negara-negara Asean. -- BERNAMA

TM FAZ